

# RM500,000 ganti jambatan baru

## Penduduk Kampung Setengah lega kerajaan negeri bina kemudahan konkrit

Oleh Mohd Amin Jalil  
bhnews@bharian.com.my

**M**ANTIN: Masalah jambatan mendap yang berlaku selepas banjir kilat melanda Kampung Setengah, Batu 11 dekat sini, menyebabkan jambatan yang menjadi laluan utama ke kampung itu tidak lagi selamat digunakan kira-kira 100 penduduk kampung itu.

Walaupun penduduk mengambil inisiatif membaiki sendiri jambatan itu, tetapi ia tidak mencukupi kerana kerosakan jambatan itu memerlukan kepakaran.

Bagaimanapun, penduduk kini boleh menarik nafas lega berikutan jaminan kerajaan negeri untuk membaiki kerosakan membabitkan perbelanjaan kira-kira RM500,000.

Menteri Besar, Datuk Seri Mohamad Hasan, berkata jambatan itu perlu diganti baru menggunakan bahan konkrit yang lebih kukuh dan selamat.

Katanya, kerajaan negeri mengarahkan pembinaan jambatan baru dengan segera dan kerja itu termasuk menaik taraf dan melebarkan sungai.

"Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula akan menaik taraf kawasan pesisir sungai yang dikenal pasti menjadi punca banjir kilat kerap melanda kampung itu.

"Kerajaan negeri juga akan melantik kontraktor berpengalaman untuk melaksanakan projek itu bagi memastikan jambatan itu menepati spesifikasi ditetapkan, sekali gus tahan menghadapi bencana alam," katanya selepas melawat jambatan itu.

● OWEE AH CHUN | BERITA HARIAN



MOHAMAD (kiri) bersama penduduk kampung meninjau tebing jambatan yang runtuh akibat banjir di Kampung Batu 11 1/4 Mantin.

Turut hadir, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Luar Bandar, Hal Ehwal Pengguna dan Kemudahan Awam negeri, Datuk Hasim Rusdi dan Pengerusi MCA Negeri Sembilan, Senator Datuk Dr Yeow Chai Thiam.

Mohamad berkata, kerajaan negeri juga akan meminta kerjasama Tenaga Nasional Berhad (TNB) untuk memasang lampu jalan, terutama di persimpangan kampung itu sebagai langkah keselamatan dan keselesaan penduduk.

"Saya berharap tindakan ini akan dapat memastikan keselamatan penduduk kampung terjamin dan membolehkan mereka menjalankan urusan harian dengan lancar," katanya.



*Kerajaan negeri juga akan melantik kontraktor berpengalaman untuk melaksanakan projek itu bagi memastikan jambatan itu menepati spesifikasi ditetapkan, sekali gus tahan menghadapi bencana alam*

**Mohamad Hasan**  
Menteri Besar Negeri Sembilan